

KITOTEC

KITOZOOM

Mikroskop bervideo



Kandungan

- Mukasurat 3: Maklumat am **KITOOZOOM**
- Mukasurat 4: Maklumat sistem optik and kamera USB
- Mukasurat 5: Sistem **KITO 10**
- Mukasurat 6: Sistem **KITO 20**
- Mukasurat 7: Sistem **KITO 30**
- Mukasurat 8: Sistem **KITO 40**
- Mukasurat 9: Maklumat pencahayaan **KITO 10** hingga **KITO 40**
- Mukasurat 10: Pencahayaan **KITO 10** hingga **KITO 40**
- Mukasurat 11: Pencahayaan **KITO 10**, **KITO 20** hingga **KITO 30**
- Mukasurat 12: Posisi meja untuk **KITO 10**
- Mukasurat 13: Posisi meja untuk **KITO 10** dan **KITO 20**
- Mukasurat 14: Posisi meja untuk **KITO 10** dan **KITO 20**
- Mukasurat 15: Meja ukuran XY untuk **KITO 10** dan **KITO 20**
- Mukasurat 16: Meja ukuran XY untuk **KITO 10** dan **KITO 20**
- Mukasurat 17: Maklumat software ukuran **KITEC**
- Mukasurat 18: Maklumat software ukuran **KITEC**
- Mukasurat 18: Syarat-syarat bayaran dan penghantaran
- Mukasurat 19: Matriks **KITO 10** hingga **KITO 40**
- Mukasurat 20: Pembesar ukuran **KIMAG 10**

KITOTEC



Apakah yang menjadikan sebuah mikroskop berveideo yang baik? Apakah kriteria yang kita patut cari? Disenaraikan di sini adalah beberapa syarat yang patut dipenuhi: Gambar cemerlang - Operasi yang mudah - Kedalaman fokus - Keluasan zoom yang lebar -Pencahayaannya yang baik - Software ukuran yang cekap - Meja ukuran XY yang bersesuaian dengan kerja ukuran - dan: Nilai yang berpatutan dengan harganya!

Keempat-empat model siri **KITOTEC** memaparkan kualiti-kualiti tersebut. Untuk menyenangkan pilihan anda, kami akan memaklumkan anda tentang ciri-ciri teknikal and operasi sistem optik. Pada mukasurat-mukasurat yang berikutnya, keempat-empat model standard dan pilihan tambahan akan diterangkan. Anda boleh mendapatkan maklumat tentang software ukuran **KITOTEC** di muka 17 dan 18.



Keperluan sistem optik, pencahayaan, penegak dan meja ukuran XY bergantung kepada kajian atau ukuran. Kita mesti memastikan bahawa magnifikasi yang digunakan adalah bersesuaian dengan ketepatan ukuran.

Sekiranya maklumat yang diberikan tidak mencukupi untuk membolehkan anda untuk memilih sistem atau komponen yang sesuai, sila panggil kami. Kami dengan berbesar hati akan menolong anda untuk memilih model yang betul.



KITOTEC

KITOOZOOM: Sistem optik dan kamera USB:

Sebuah sistem zoom terdiri daripada komponen berikut: Unit zoom dengan magnifikasi optik 6.5x, adapter, kanca aksesori dan adapter C-mount. Ini ditambahkan pula dengan kamera USB di sebelah kanan. Untuk mendapatkan hasil yang tepat dengan software ukuran **KITEC**, kita mesti berupaya melaraskan paras zoom masing-masing. Oleh kerana itu, unit zoom ini mengandungi enam ceruk,



di mana sebiji berbola berspring akan memasuki apabila dipusing. Paras-paras itu yang ditanda dengan angka-angka, dicipta sebagai "kanta" dalam software **KITEC** KITEC dan dikalibrasi dan disimpan dengan reticle plate bersijil.



Satu kelebihan utama sistem zoom ini adalah apabila jarak kerja (akhir kanta hingga ke subjek kajian) berada di dalam lingkungan zoom, sistem ini tidak perlu diubah. Jarak itu diselaraskan pada paras magnifikasi tertinggi dan ditetapkan untuk seluruh lingkungan zoom itu. Satu kanta aksesori 0.5x juga dihantar bersama **KITOOZOOM**. Dengan ini, kita memperoleh 2 lingkungan

zoom, biasanya mencukupi untuk 95% kajian. Dua kanta aksesori 1.5x dan 2.0x juga disertakan untuk magnifikasi yang lebih tinggi.

Kamera USB 2.0 dengan cip 1/3"CMOS yang digunakan menawarkan resolusi pixel 1600 x 1200. Sebagai pilihan, kamera USB boleh dinaik taraf dengan resolusi yang lebih tinggi dan disertakan cip CCD. Walaubagaimanapun, kami tidak mensyorkan pilihan ini kerana hanya segelintir orang menggunakan hardware PC yang bersesuaian dengan gambar display pixel 2048 x 1600 atau lebih tinggi pada monitor PC. Tambahan pula, kadar penghantaran imej adalah lebih rendah. Lingkungan kanta, magnikasi dan jarak kerja adalah seperti berikut:

Dengan kanta aksesori 0.5x:

Linkungan kanta:	27mm - 4mm
Jarak kerja:	170 mm
Faktor magnifikasi:	15 kali hingga 105 kali (di monitor 24")

Tanpa kanta aksesori

Linkungan kanta:	13 mm - 2 mm
Jarak kerja:	85 mm
Faktor magnifikasi:	30 kali hingga 215 kali (di monitor 24")

KITOTEC

KITO 10



Model **KITO 10** ini terdiri daripada unit zoom **KITOOZOOM** dengan kamera USB, bulatan lampu LED dengan pemelap (lihat muka 9), penyelarar tinggi dengan sistem rak dan pinan yang menawarkan penyelarasan yang tepat dan cepat, dan plat asas. Plat bersaiz 400 x 250 mm ini dibuat daripada aluminium yang dikisar dengan ketepatan 20 mm dan dianodkan. Tinggi kaki sokongan plat asas

boleh diselaraskan dan ditetapkan. Plat itu mengandungi enam lubang tambahan yang sudah ditebuk. Kekisi khas biasanya dibuat untuk meletakkan subjek kajian dengan cepat dan mudah. Kekisi khas ini boleh dipasang pada plat asas dengan menggunakan lubang tebukkan tersebut. Tambahan pula, lubang-lubang tebukkan itu boleh digunakan untuk meletak meja berkedudukan dan ukuran bertentangan. Berat: 10 kg. Dimensi: 400 x 250 x 550 – 670 mm.



Skop penghantaran dan harga **KITO 10** adalah seperti berikut:

KITOOZOOM Siri mikroskop bervideo

- **Order No. KITO 10 - ECO**
- **KITOOZOOM** - zoom bergrid 6 paras
- bulatan lampu LED dengan pek kuasa, boleh dimalapkan
- mengandungi kanta aksesori 0.5 x
- plat asas dengan enam lubang tebukkan
- 2 linkungan zoom dan 12 paras zoom
- Kamera USB 2.0 pixel 1600 x 1200
- cakera kalibrasi graduan 0.1 dan laporan kajian
- Software ukuran **KITEC ECO**

Secara alternatif versi extended software ukuran **KITEC PRO** boleh didapati

- **Order No. KITO 10 - PRO**


KITOTEC

KITO 20



Model **KITO 20** dibezakan melalui plat asas yang berbeza, di mana sebuah plat leper dengan lampu LED dipasangkan kepadanya. Ini dibuat kerana plat lampu itu tidak terkeluar apabila meja bertentangan digunakan. Plat LED itu ditatahkan dalam potongan keluar. Kabel plat lampu itu diskrew ke bahagian bawah dengan klip kabel dan diletakkan di sebelah kiri penyelarar tinggi.

Bahagian yang bercahaya mempunyai diameter 70 mm. Potongan keluar itu lebih panjang di arah sistem rak kerana sebuah lampu bawah yang selari boleh digunakan di plat asas ini sebagai alternatif kepada lampu bawah yang terpadam (lihat muka 11). Disebabkan potongan keluar itu, hanya terdapat lima lubang tebukan untuk meja bertentangan untuk plat lampu ini (lihat muka 13). Berat: 10kg Dimensi: 400 x 250 x 550 – 670 mm.



Skop penghantaran dan harga **KITO 20** adalah seperti berikut:

KITOOZOOM Siri mikroskop bervideo

- **Order No. KITO 20 - ECO**
- **KITOOZOOM** - zoom bergrid 6 paras
- bulatan lampu LED dengan pek kuasa, boleh dimalapkan
- Lampu LED bawah dengan pek kuasa
- mengandungi kanta aksesori 0.5 x
- plat asas dengan lima lubang tebukan
- 2 linkungan zoom dan 12 paras zoom
- Kamera USB 2.0 pixel 1600 x 1200
- cakera kalibrasi graduan 0.1 dan laporan kajian
- Software ukuran **KITEC ECO**

Secara alternatif versi extended software ukuran **KITEC PRO** boleh didapati

- **Order No. KITO 20 - PRO**


KITOTEC

KITO 30



Model **KITO 30** ini merupakan konfigurasi dengan meja ukuran XY 50 x 50 mm, dengan dua pemutar ukuran digital (Mitutoyo Digimatic) dan dua kabel data dan interface (Bobe S-BOX 25 MUX / USB) untuk transmisi koordinat X dan Y ke software ukuran **KITEC MAX**. Kenapa interface diperlukan? Bayangkan, jika anda ingin mengukur subjek kajian dengan toleransi $\pm 5 \mu\text{m}$ tetapi diameter subjek kajian itu adalah 30 mm. Apabila

kita menggunakan magnifikasi yang rendah di sini untuk menghasilkan semula bahagian yang diukur, kita akan memperolehi pixel resolusi 30mm dari lebih kurang $17 \mu\text{m}$. Dengan membuat demikian, ketepatan ukuran yang dinyatakan tidak boleh lagi dipercayai. Oleh itu, kami menggunakan magnifikasi tinggi yang sesuai dengan resolusi pixel rendah dan dari proses ukuran XY, ini membolehkan koordinat dihantar ke software untuk diukur dengan tepat.



Kami juga boleh menjual sistem ini tanpa interface dan kabel data jika tidak diperlukan. Penghantaran juga boleh dibuat dengan versi **KITEC ECO** atau **PRO**. Meja bertentangan juga boleh dijual dengan kekisi pegangan berdiameter 12 mm dan bukan 18 mm. Sila beri perhatian bahawa konfigurasi ini mempunyai ketepatan $\pm 5 \mu\text{m}$ pada 50 x 50 mm. Secara alternatif, meja ukuran XY dengan sistem SCD boleh digunakan untuk memperolehi ketepatan $\pm 2 \mu\text{m}$. Berat: 12 kg Dimensi: 580 x 400 x 550 – 670 mm.

Skop penghantaran dan harga **KITO 30** adalah seperti berikut:

KITOOZOOM Siri mikroskop berveideo

- **Order No. KITO 30 - MAX**
- **KITOOZOOM** - zoom bergrid 6 paras
- bulatan lampu LED dan lampu bawah dengan pek kuasa, boleh dimalapkan
- mengandungi kanta aksesori 0.5 x
- mengandungi plat asas dengan meja bertentangan 50 x 50 mm
- mengandungi 2 tolok dial Mituyo Digimatic, kabel data dan interface
- 2 linkungan zoom dan 12 paras zoom
- Kamera USB 2.0 pixel 1600 x 1200
- cakera kalibrasi graduan 0.1 dan laporan kajian
- Software ukuran **KITEC MAX**

KITOTEC

KITO 40



Model **KITO 40** adalah konfigurasi yang disediakan dengan meja posisi berasingan yang tingginya boleh dilaraskan. Lingkungan pelarasan adalah 80 x 60 mm. Pelarasan halus untuk tinggi dilakukan dengan unit meja bertentangan. Untuk memposisikan barangan yang kecil dengan mudah dan cepat, **KITO 40** adalah penyelesaian yang sangat sesuai. Sebagai pilihan, kami menawarkan sebuah meja

pusingan untuk **KITO 40** yang boleh diletak ke dalam pembukaan meja bertentangan. Plat kemasukan kaca di meja bertentangan digunakan kemudian di meja pusingan. Namun demikian, kami ingin memberitahu memaklumkan bahawa untuk kerja memposisikan yang sangat halus dalam lingkungan 0.01 mm, ia lebih munasabah untuk menggunakan model **KITO 20** dengan meja bertentangan yang mempunyai ketepatan yang sesuai (muka surat 14: model EK-100 dan EK-150) Berat: 13 kg, Dimensi: 400 x 250 x 550 – 670 mm.



Skop penghantaran dan harga **KITO 40** adalah seperti berikut:

KITOOZOOM Siri mikroskop berveideo

- **Order No. KITO 40 - ECO**
- **KITOOZOOM** - zoom bergrid 6 paras
- bulatan lampu LED dengan pek kuasa, boleh dimalapkan
- Lampu LED bawah dengan pek kuasa
- mengandungi kanta aksesori 0.5 x
- mengandungi plat asas dengan meja bertentangan 80 x 60 mm
- 2 lingkungan zoom dan 12 paras zoom
- Kamera USB 2.0 pixel 1600 x 1200
- cakera kalibrasi graduan 0.1 dan laporan kajian
- Software ukuran **KITEC ECO**

Secara alternatif versi extended software ukuran **KITEC PRO** boleh didapati

- **Order No. KITO 40 - PRO**
- **Order no. ROT-40 (meja pusingan untuk KITO 40)**

Unit-unit pencahayaan untuk **KITOZOOM**

LED-R



Skop penghantaran sistem yang dinyatakan di empat mukasurat sebelum ini termasuk lampu bulatan LED-R. Untuk kebanyakan aplikasi, lampu-lampu bulatan LED sudah mencukupi sebagai pencahayaan atas. LED-R dengan 98 LED putih disusun dengan sudut 15° dalam 3 barisan dan menawarkan kualiti pencahayaan yang tinggi. Diameter luar ialah 67 mm dan pembukaan dalam ialah 35 mm. Lampu bulatan LED dipasang dengan 3 screw atas adapter yang juga diskrew ke unit zoom.

Skop penghantaran termasuk pek kuasa dan pemelapan tanpa had. Jika anda ingin memesan sebagai ganti untuk mikroskop lain, harga dan order number adalah seperti berikut:

Lampu bulatan LED untuk siri **KITOZOOM**
- Order no. LED-R

LED-U



Untuk model **KITO 20**, **KITO 30** dan **KITO 40** plat lampu LED bawah telah dikira dalam harga sistem. Lampu LED resapan bawah ini adalah penyelesaian yang baik untuk aplikasi di mana lampu bawah selari tidak diperlukan untuk ukuran yang tepat. Bahagian iluminasi bulatan mempunyai diameter 70 mm dan diameter luaran 95 mm.

Jika anda ingin memesan sebagai ganti untuk mikroskop lain, harga dan order number adalah seperti berikut:

Lampu LED bawah untuk siri **KITO 20, **KITO 30** dan **KITO 40****
- Order no. LED-U

Unit-unit pencahayaan untuk **KITOZOOM**

LED-SG



Untuk bahan yang kuat memantul, ia adalah lebih munasabah untuk bekerja dengan lampu bulatan LED dengan peresap yang dipasang di atas semua LED. LED-SG mempunyai peresap demikian dan sebagai tambahan, boleh dibuka hingga pencahayaan penuh di bahagian belakang 4 segment. Kecerahan boleh diubah tanpa had.

Lampu bulatan LED untuk siri **KITOZOOM**
- Order no. LED-SG



KLQ-LED-9



Untuk bahan yang kuat memantul atau lebih banyak output cahaya diperlukan, sumber cahaya sejuk KLQ-LED dengan 900 lumen adalah penyelesaian yang baik. Dengan sumber cahaya sejuk dari LED yang berprestasi tinggi, kami menjana cahaya yang sama seperti cahaya waktu siang atau cahaya dari output cahaya bimbingan mudah alih yang mempunyai nilai luminous flux 900 lumen dan diameter aktif sebanyak 9 mm. Kawalan cerah boleh dilakukan dengan incremental encoder

atau secara elektronik dengan interface bersepadu USB, CAN atau RS232. 3 posisi slaid penapis membolehkan penukaran yang cepat di antara lampu putih dari sumber cahaya dengan 2 penapis warna atau penukaran. Pelbagai penapis, bimbingan cahaya, kanta fokus, pemegang dan swis kaki boleh didapati sebagai aksesori. Tambahan pula, sumber cahaya sejuk boleh diprogram dalam software **KITEC** dan setingnya akan disimpan ke kanta masing-masing. Bulatan lampu diperlukan untuk sumber cahaya sejuk LED.

Sumber cahaya sejuk LED untuk **KITOZOOM**
- Order no. KLQ-LED-9

SRL 10-2




Untuk mengarahkan lampu cahaya dari sumber cahaya sejuk LED ke objek, kita memerlukan lampu bulatan. Apabila kita menginginkan iluminasi yang sekata dan meresap, lampu bulatan adalah sangat sesuai. Versi dengan sudut radiasi 10° digunakan untuk jarak kerja yang jauh. Diameter dalaman ialah 30 mm. Dijual dengan peresap untuk mengurangkan pantulan. Lampu bulatan juga boleh digunakan

dengan atau tanpa kanta aksesori untuk kedua-dua jarak kerja.




Lampu bulatan dengan peresap untuk KITOZOOM
- Order no. SRL 10-2

PPL-B



Apabila mengukur diameter objek simetri yang berpusing atau ulir atas bebenang dan pili air, cahaya resapan tidak boleh digunakan lagi kerana cahaya itu "merangkak" mengelilingi bahagian tepi, justeru itu menyebabkan diameter kelihatan lebih kecil. Lampu bawah yang selari boleh digunakan untuk aplikasi tersebut kerana ia memastikan lampu dinyalakan dari bahagian bawah dan menjadikan ukuran yang lebih tepat. Cahaya


dari LED biru (biru = pembiasan paling kurang) dihalakan melalui sistem optik dengan cermin lutcahaya dan merambat melalui kanca Fresnal yang menghalakan cahaya itu ke atas dan selari. Potongan keluar lampu bawah sudah termasuk bersama dengan plat asas **KITO 20**, **KITO 30** dan **KITO 40**.



Lampu bawah selari, boleh dilaraskan untuk KITO 20, KITO 30 dan KITO 40
- Order no. PPL-B

Meja XY untuk **KITO 10**

MT-25




MT-25 merupakan meja bertentangan yang kompak dan meja posisi halus dengan jarak gerakan 25 x 25 mm. Dua pemutar mekanikal dengan resolusi 0.01 mm membolehkan posisi yang sangat tepat. Permukaan letakan 85 x 85 mm mengandung empat bebenang M4 internal dengan jarak 60 mm antara satu sama lain untuk pasangan peralatan lain. Meja MT-25 boleh dicantum dengan meja putaran RT-85. Hanya boleh digunakan dengan model

KITO 10 dan atas meja bertentangan KT-100.

Meja bertentangan untuk **KITO 10**

- Order no. MT-25


RT-85




Meja putaran RT-85 mengandung gerudi tambahan di bahagian tengah dengan diameter dalaman tiga mm untuk pasangan peralatan lain. Plat pasangan mempunyai diameter 85 mm. RT-85 boleh dicantum dengan meja posisi MT-25 dan meja ukuran XY. Hanya boleh digunakan dengan model **KITO 10** dan atas meja bertentangan KT-100.

Meja putaran untuk **KITO 10**

- Order no. RT-85



KT-100




Meja longsor bertentangan 100 x 100 mm dengan plat tertutup untuk aplikasi pantulan cahaya. Dicipta untuk penyelarasan manual (tanpa penyelarasan halus) Komponen-komponen MT-25 dan RT085 boleh dipasang di atas meja longsor bertentangan jika diperlukan. Posisi ditetapkan menggunakan skrew simpul di bahagian tepi.

Meja bertentangan untuk KITO 10
- Order no. KT-100



Meja XY untuk KITO 10 dan KITO 20

MTU-50-MS




Meja posisi MTU-50-MS atau ukuran XY dengan bahagian ukuran 50 x 50 mm. Skop hantaran termasuk plat kemasukan logam. Meja bertentangan mengandungi masukan 12 mm untuk pemutar ukuran mekanikal dengan jarak 0.01 mm. Secara alternatif pemutar tanpa alat ukur dengan jarak 0.5 dan 1mm boleh dijual. Rangka pasangan untuk discrew di atas plat asas **KITO 10** sudah termasuk dalam jumlah harga. Dengan plat masukan kaca, meja

bertentangan ini boleh dipakai bersama model **KITO 20** . Sila menyatakan dengan spesifik sebelum memesan.

Meja bertentangan untuk KITO 10 dan KITO 20
- Order no. MTU-50-MS

EK-100




Meja longsor bertentangan 100 x 100 mm dipasang dengan bebola ketetapan tinggi yang bertentangan. Penyelarasan ini dilaksanakan dengan skrew simpulan di X dan Y. Peralatan itu dipasang dengan batang sokongan L. EK-100 dijual bersama plat masukan kaca atau logam, bergantung kepada keperluan. Sila pastikan: Apabila menggunakan model ini, penyelarar tinggi lebih kurang 80 mm akan disambung dengan kanta aksesori 0.5 x. Ini disebabkan oleh jarak kerja yang panjang 170 mm.

Dengan plat masukan kaca, meja bertentangan boleh digunakan dengan model **KITO 20**.

Meja bertentangan untuk KITO 10 dan KITO 20

- Order no. EK-100

EK-150



Meja longsor ketepatan 150 x 150 mm yang bertentangan, dipasang dengan bebola penggelek ketepatan tinggi yang bertentangan. Penyelarasan dibuat melalui screw simpulan di X dan Y. Tambahan pula, EK-150 menawarkan penyelarasan yang cepat. Pemasangan dibuat melalui batang sokongan L. EK-150 dijual dengan plat masukan kaca atau logam, bergantung kepada keperluan. Sila pastikan: Apabila menggunakan model ini, penyelarar tinggi lebih kurang 80 mm akan disambung


dengan kanta aksesori 0.5 x. Ini disebabkan oleh jarak kerja yang panjang 170 mm. Dengan plat masukan kaca, meja bertentangan boleh digunakan dengan model **KITO 20**.

Meja bertentangan untuk KITO 10 dan KITO 20

- Order no. EK-150

Meja ukuran XY untuk **KITO 20**

MTM-100




MTM-100 dengan luas ukuran 100 x 100 mm. Dicipta khas untuk kegunaan di mikroskop tegak dan mempunyai struktur 3 plat. Ukuran ketepatan tinggi dipastikan dengan penggunaan sistem ukuran MR. Definisi posisi di dua paksi ukuran dilakukan melalui display SCD. Data dari software ukuran **KITEC MAX** dibaca dengan sambungan kabel USB dan offset koordinat XY di software ukuran. Bergantung kepada aplikasi, meja ukuran dijual dengan plat

masukan kaca atau logam (Tolong nyatakan dengan spesifik sebelum memesan). Sila pastikan: Apabila menggunakan model ini, penyelarar tinggi lebih kurang 60 mm akan disambung dengan kanta aksesori 0.5 x. Ini disebabkan oleh jarak kerja yang panjang 170 mm. Dengan plat masukan kaca, meja bertentangan boleh digunakan dengan model KITO 20.

Meja ukuran XY untuk **KITO 10 dan **KITO 20****
- Order no. MTM-100

MTM-150




MTM-150 dengan keluasan ukuran 150 x 150 mm. Selain daripada keluasan ukuran, data teknikal adalah sama dengan MTM-100. Bergantung kepada aplikasi, meja ukuran dijual dengan plat masukan kaca atau logam. (Sila nyatakan dengan spesifik sebelum memesan). Apabila menggunakan model ini, penyelarar tinggi lebih kurang 60 mm akan disambung dengan kanta aksesori 0.5 x. Ini disebabkan oleh jarak kerja yang panjang 170 mm. Dengan plat

masukan kaca, meja bertentangan boleh digunakan dengan model KITO 20.

Meja ukuran XY untuk **KITO 10 dan **KITO 20****
- Order no. MTM-150

MT-200-100



MT-200-100 dengan keluasan 200 x 100 mm. Dipasang dengan penyelarasan cepat di X dan Y, boleh dioperasi dengan satu tangan dan tork yang boleh diselaras. Ukuran ketepatan tinggi dipastikan dengan penggunaan sistem ukuran MR. Definisi posisi di dua paksi ukuran dilakukan melalui display SCD. Ini juga boleh dibaca menggunakan software ukuran **KITEC MAX** melalui sambungan kabel USB dan justeru itu, membolehkan offset koordinasi XY.

Bergantung kepada aplikasi (cahaya pantulan atau transmisi), meja ukuran dijual dengan plat masukan kaca atau logam. Sila pastikan: Apabila menggunakan model ini, penyelarar tinggi lebih kurang 60 mm akan disambung dengan kanta aksesori 0.5 x. Ini disebabkan oleh jarak kerja yang panjang 170 mm. Dengan plat masukan kaca, meja bertentangan boleh digunakan dengan model KITO 20.

Meja ukuran XY untuk **KITO 10 dan **KITO 20****
- Order no. MT-200-100

Penyelesaian khas? Soalan dialu-alukan!

Siri MTM juga boleh didapati dengan kawasan ukuran 200 x 200 mm dan 600 x 600 mm. Dari 200 x 100 mm, meja-meja ukuran ini boleh diperolehi bermotor atau dengan kawalan. Jika anda tidak dapat melaksanakan ukuran anda dengan komponen yang diberikan di sini, tanyalah kami berkenaan penyelesaian yang khas. Pelbagai sokongan khas, meja ukuran XY, sistem zoom manual atau bermotor dengan cahaya pantulan coaxial dan penyelarar bermotor boleh menyelesaikan komplikasi tersebut. Sini juga terdapat tolok untuk ukuran Z dan sistem ukuran bermotor paksi Z. Bincanglah dengan kami.



KITOTEC

KITEC: Software ukuran

Senang untuk dipakai!

Software ukuran tidak patut membazir masa pengguna. Software ukuran **KITEC** adalah alternatif kepada programm berlainan yang sukar untuk dipakai.



Mengapa KITEC?

Kelebihan **KITEC** untuk mengukur dalam imej siaran langsung menjimat banyak masa kerana gambar-gambar tidak perlu disimpan dan seterusnya dibuka. Melalui penggunaan kamera USB 2.0, software ini boleh diinstalasikan di sebanyak komputer yang mungkin. **KITEC** diaktifkan semasa kamera disambung. Ini mengelak penggunaan dongle USB.


KITEC boleh dipakai dalam 25 bahasa, ciri yang menyebabkannya dipakai di seluruh dunia. Ini bukan saja menjadi minat klien antarabangsa. Di syarikat besar-besaran dengan staf dari pelbagai negara, latihan software menjadi mudah.

Pembaharuan software ukuran **KITEC** biasanya percuma. Dengan nombor siri masing-masing, pengguna akan dibawa ke ruangan muat turun yang betul. Ini mengelak kontrak pembaharuan yang memakan masa and membolehkan pengguna sentiasa memperbaharui sistem.



Pembaharuan dari **KITEC ECO** hingga **KITEC PRO** atau **MAX** boleh dilakukan dengan harga interim asal. Versi lama anda tidak akan hilang nilainya. Pastilah kami tidak akan mengabaikan bantuan telefon: Nombor kami terkandung di header bar **KITEC**.

Versi-versi: Software ukuran **KITEC** terdapat dalam tiga versi. **KITEC ECO** mengandungi fungsi ukuran asas seperti ukuran jarak, jejari atau bulatan, sudut dan ukuran asas yang lain (lihat senarai fungsi). Untuk pengguna yang ingin fungsinya dalam hot keys, 30 hot keys boleh dibuat dalam **KITEC ECO**.



KITOTEC


Pada dasarnya, **KITEC PRO** mengandungi semua fungsi ukuran: ukuran bulatan khas, fungsi ukuran untuk PCBs, ukuran tebal, overlay DFX, kalkulasi focus dan banyak ciri khas lain. Di samping itu, semua fungsi ukuran boleh digunakan bersama penderiaan pinggir automatik. Senarai fungsi itu adalah terlalu panjang untuk dipaparkan di sini. Oleh itu, ia terletak di gambaran keseluruhan fungsi di laman web. Di sana, anda juga boleh memuat turun dan menguji versi demo software ukuran **KITEC**.



KITEC MAX mempunyai dua paras fungsi tambahan: Butang-butang di lajur kiri mengaktifkan titik ukuran, garisan, bulatan dan segmen bulatan. Tiga butang di bawah adalah untuk jarak, sudut dan garisan best-fit. Dengan keempat-empat fungsi ukuran di bahagian atas, semua objek berkaitan atau titik ukuran ditandakan. Selepas itu, ukuran boleh dihantar ke tettingkap kalkulator (butang PC).

Paras fungsi kedua termasuk nilai-nilai X, Y dan Z yang dipaparkan. **KITEC MAX** biasanya boleh digunakan bersama hampir semua sistem ukuran. Tidak kira sama ada meja ukuran adalah dari Märzhäuser, Uhl, Prior, Steinmeyer atau Micos, paksi XY boleh dibaca dan dikira di **KITEC MAX**. Sekiranya sambungan USB atau RS-232 tidak mungkin, data seharusnya dipindahkan dengan interface yang sesuai. Data dari pemutar ukuran seperti Mitutoyo, Sylvac, Heidenhain atau sistem ukuran integrasi, seperti dari Schneeberger, atas atau di dalam sistem panduan juga diproses. Nilai-nilai X, Y dan Z dipaparkan berkekalan di tettingkap tambahan **KITEC**. Di laman web kami terdapat senarai sistem ukuran yang boleh dibaca.

Tambahan pula, KITEC MAX mempunyai pelbagai jenis fungsi pengukuran bagi ukuran alat (gerudi, pemotong mil, pengulir bebenang dan sisip pemotong yang boleh memberi indeks). Fungsi pemprosesan imej yang baru bagi diameter, jejari, jarak dan sudut menawarkan pengukuran yang lebih cepat dan peratus kebolehlulangan semula yang lebih tinggi. Demi mencapai kontras yang lebih baik, pengguna hanya perlu melukiskan suatu kotak dengan menggunakan tetikus – keputusan akan dipaparkan secara automatik. Di samping itu, semua fungsi ukuran boleh digunakan bersama penderiaan pinggir automatik.



Jika anda memiliki sistem yang tidak terdapat di senarai, janganlah segan untuk bertanya kami. Skop ciri-ciri **KITEC PRO** dan **KITEC MAX** tidak dapat ditandingi dari segi kos. Dan sekiranya fungsi ukuran yang diperlukan oleh syarikat anda tidak terkandung dalam **KITEC**, kami amat berbesar hati untuk memprogramkan fungsi ukuran khas untuk anda.

Penghantaran: Hantaran laut percuma, termasuk bungkusan
Bayaran: Dijelaskan dalam 30 hari (hanya tertakluk kepada pra-bayar)
Pembaharuan: Percuma melalui internet
Jaminan: 24 bulan

KITOTEC

Matriks untuk sistem **KITO 10** hingga **KITO 40** dan komponen-komponen yang bersesuaian

Komponen-komponen	KITO 10	KITO 20	KITO 30	KITO 40
LED-R	x	x	x	x
LED-U	/	x	x	x
LED-SG	x	x	x	x
KLQ-LED-9	x	x	x	x
LED-SG	x	x	x	x
PPL-B	x	x	x	x
MT-25	x	/	/	/
RT-85	x	/	/	/
MTU-50-MS	x	x	/	/
KT-100	x	/	/	/
EK-100	x	x	/	/
EK-150	x	x	/	/
MTM-100	x	x	/	/
MTM-150	x	x	/	/
MT-200-100	x	x	/	/
KITEC ECO	x	x	x	x
KITEC PRO	x	x	x	x
KITEC MAX	x	x	x	x

x = boleh digunakan bersama-sama

/ = tidak boleh digunakan bersama-sama

KITOTEC

KIMAG: Pembesar ukuran dengan lampu LED



Pembesar ukuran tepat bercahaya kami dengan dengan sistem optik berlapis akromatik yang terdiri daripada empat elemen dan dua pasangan komponen. Skala ukuran itu dibuat daripada kaca dan mempunyai graduan 0.1mm dengan jarak ukuran 30 mm. Bekasnya mengandungi bulatan yang terdiri daripada lapan LED yang menyalakan bahagian ukuran dengan cerah dan berkontrast tinggi. Konflik antara resolusi tinggi dan penglihatan lebar telah diselesaikan dengan produk ini dan memberikan kawalan yang efisien dan tepat.

Untuk transmisi tinggi, kanta-kanta dilapis dengan lapisan kalis pantulan.

Tayangan cemerlang menerusi sistem optik kaca cerah akromatik tanpa aberasi kromatik, tiada herotan hingga ke pinggir bahagian dan cahaya anulus dari lapan LED yang baru dicipta menjadi tandingan semua dari segi harga. Hantaran termasuk bateri:



Dalam optik, sistem akromatik membawa maksud sistem dua kanta yang terdiri daripada kaca berlainan nombor Abbe (Dispersi warna yang berlainan). Sistem ini mengandungi kanta cembung (biasanya dibuat daripada crown glass) dan kanta dispersi dengan nombor Abbe yang rendah dan ini menyebabkan dispersi warna yang lebih kuat daripada sistem yang hanya menggunakan kanta cembung. Dengan kaedah ini, aberasi kromatik yang terdapat dalam setiap kanta cembung boleh dibetulkan untuk dua jarak gelombang. Ini bermaksud sistem ini mempunyai jarak fokus belakang yang sama untuk kedua-dua warna. Data teknikal dirumuskan di sini:

Order No.	KIMAG 10
Faktor magnifikasi:	10x
Boleh difokus:	Ya
Mengukur panjang:	30 mm
Linkungan kanta:	34 mm
Graduan skala	0,1 mm
Sistem optik	Akromatik, tiada herotan
Dimensi:	46 x 44 mm
Berat:	74 gram
Aksesori:	Termasuk skala standard dan beg kulit



KITOTEC GMBH
Burgstr. 66
D-53332 Bornheim
Tel.: +49 (0) 2222 - 937271
Fax: +49 (0) 2222 - 65974
E-Mail: info@kitotec.biz
www.kitotec.biz

KITOTEC SINGAPORE PTE LTD
456, Jurong West Street 41#01-736
Singapore 640456
Tel.: +65 65617570
Fax: +65 65696692
E-Mail: info@kitotec.com.sg
www.kitotec.com.sg